

Amaran PM kepada Terengganu

14 AUG 2002

Oleh ZULKIFILI JALIL

KUALA LUMPUR 13 Ogos — Kerajaan Persekutuan akan mengambil tindakan tegas jika kerajaan Pas Terengganu terus berdegil untuk menguatkuasakan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) yang terang-terang bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang cuba melakukan perbuatan menyalahi undang-undang negara.

“Jika mereka cuba melanggar undang-undang dengan melaksanakan peraturan yang bertentangan perlembagaan Persekutuan serta menjejaskan rakyat, kita tidak boleh berkompromi dan akan ambil tindakan,” katanya.

● Ucapan penuh PM — Muka 6

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) di Setapak dekat sini hari ini.

Beliau mengulas kedegilan kerajaan Pas Terengganu mempertahankan pendirian mahu membina sendiri penjara dan melantik pegawai penguat kuasa sendiri bagi melaksanakan Takzir yang dianggap banyak pihak cuma bermotif politik.

Semalam, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Dakwah dan Pelaksanaan Syariah Terengganu, Datuk Harun Taib berkata, jika isu yang menyentuh bidang kuasa negeri itu berlarutan, pihaknya mungkin mencari penyelesaian di mahkamah.

Baru-baru ini, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Pas tidak berhak membina penjara sendiri dan pegawai penguat kuasa suka-rela yang dilantik juga tidak mempunyai kuasa menangkap mana-mana individu untuk didakwa di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) dan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas).

Dalam pada itu, Dr. Mahathir berkata, tindakan Pas menyokong bantahan persatuan pendidikan Cina yang mengecam langkah kerajaan untuk melaksanakan bahasa Inggeris bagi Sains dan Matematik di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) memang sudah dijangka.

■ Lihat muka 4

Amaran PM kepada Terengganu

Tegasnya, Pas akan tetap mempolitikkan apa sahaja program kerajaan yang berfaedah untuk rakyat.

“Apa yang kerajaan buat, dia (Pas) akan tentang dan hasut rakyat supaya menentang dan dia ada alasan-alasannya,” kata beliau.

Ditanya dakwaan Pemangku Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang bahawa pelaksanaan dasar baru itu bertujuan menutup kegagalan Dasar Pendidikan Kebangsaan bagi melahirkan pelajar yang

mahir dalam bahasa Inggeris, Dr. Mahathir berkata:

“Dasar Pendidikan dulu pun, Pas tidak pernah sokong, apa nak cakap pasal kegagalan.”